



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
MEJAR (K) DATUK MOHAMMAD
UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
MEJAR JENERAL DATO' PAHLAWAN HJ.
ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)

Naib Presiden
AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN
MEJAR (K) HABIBULLAH BIN DATO' HJ.
AHMAD
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT

Setiausaha Kehormat
KAPTEN SHAHARUDDIN BIN SAMSI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
KU NORZAINUN BT DATO' HJ. IMAM
ASMAWI

Ahli-ahli Jawatankuasa
ADILA BIN DATO' ABDULLAH
HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN
DATUK ISHAK
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI
DATO' MOHID BIN MOHAMED
DATUK MUHAMMAD SYAHRIL BIN ABU
BAKAR
AISHAH BINTI MAT DESA
DATO' DR. S. PRABAKARAN A/L K.
SELVARAJU
MOHAMED IMRAN BIN MOHD AFZAL

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR.
KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DCP DATUK SALEHHUDIN BIN ABD
RAHMAN (B)

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD
NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN
DATUK ISHAK

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MEJAR (K) HJ. ADNAN BIN ABDULLAH

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR

Pengerusi Negeri Sembilan
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)

Pengerusi Negeri Sabah
NORJIE BINTI BUSU

Pengerusi Negeri Sarawak
NOOREHAIDAH BINTI ABDUL HASSAN

Sekretariat

Pengurus Besar
IEFF NOR IETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARAN/2026(12)

8 APRIL 2026

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-12/2026: PERINGATAN DAN ARAHAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG SERTA KEBAJIKAN PEKERJA

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa PIKM telah menerima surat rasmi daripada pihak Kedutaan Nepal bertarikh 2 April 2026 seperti di lampiran mengenai teguran dan aduan terhadap beberapa isu melibatkan kebajikan dan pengurusan pengawal keselamatan Nepal. Kandungan surat tersebut memberi penekanan serius terhadap keperluan majikan untuk mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan sedia ada bagi menjamin hak dan keselamatan pekerja.

3. Melalui surat tersebut juga ditekankan bahawa pihak Kedutaan akan menjalankan pemeriksaan secara rawak serta mengadakan temu bual dengan pengawal keselamatan Nepal bagi menilai keadaan mereka. Berdasarkan dapatan tersebut, pihak Kedutaan akan berhubung dengan pihak berkuasa Malaysia yang berkaitan untuk tindakan sewajarnya.

4. Sehubungan itu, PIKM menggesa semua syarikat ahli untuk mengambil perhatian dan tindakan segera seperti berikut:

4.1 **Pematuhan Undang-undang:** Mematuhi Akta Kerja 1955, Akta Agensi Persendirian 1971, serta semua peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Sumber Manusia.

4.2 **Pencegahan Pelanggaran:** Memastikan tiada sebarang unsur pelanggaran kontrak atau peraturan serta salah laku atau amalan yang boleh menjejaskan imej industri keselamatan negara;

4.3 **Persekitaran Kerja dan Kebajikan:** Syarikat juga diingatkan untuk memikul tanggungjawab dalam menyediakan:

- i. **Tempat Kerja Selamat:** Memastikan prosedur operasi standard (SOP) keselamatan dipatuhi bagi mengelakkan risiko di lapangan.
- ii. **Suasana Kondusif:** Mewujudkan persekitaran kerja yang profesional dan bebas daripada sebarang bentuk penindasan.
- iii. **Penjagaan Kebajikan:** Memastikan aspek penginapan, pembayaran gaji, dan perlindungan insurans pekerja diuruskan dengan sempurna mengikut ketetapan undang-undang.

5. Kegagalan pematuhan ini bukan sahaja menjejaskan imej industri keselamatan negara, malah boleh mengundang tindakan tegas daripada pihak berkuasa.

6. Seperti yang sedia maklum, syarikat perlu mematuhi serta mengguna pakai Surat Akuan / Ikrar Syarikat Memerangi Jenayah Perdagangan Orang dan Buruh Paksa yang telah dikeluarkan oleh KDN, sebagaimana yang telah diedarkan melalui Surat Edaran PIKM ke-13/2024 bertarikh 8 April 2024. Dokumen tersebut turut dilampirkan sebagai rujukan dan garis panduan bagi tujuan pematuhan serta tadbir urus syarikat. Bagi mana-mana syarikat yang belum mengisi dan mengemukakan Surat Akuan tersebut ke Kaunter Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, sila berbuat demikian dengan kadar segera.

7. PIKM memandang serius perkara ini dan mengharapkan kerjasama penuh daripada semua ahli dalam memastikan industri keselamatan negara terus berintegriti, berdaya saing dan dihormati.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**MEJAR (K) DATUK MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN
PRESIDEN**



नेपाली राजदूतावास
EMBASSY OF NEPAL
Kuala Lumpur, Malaysia
02 April 2026

To:

Mejar (K) Datuk Mohammad Ubaidillah Bin Enam @ Iman
President
Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)
Kuala Lumpur, Malaysia

Subject: Welfare and Employment Concerns of Nepali Security Guards in Malaysia

Dear Mejar (K) Datuk Mohammad Ubaidillah Bin Enam @ Iman,

The Embassy of Nepal in Kuala Lumpur wishes to inform that Embassy has been receiving multiple complaints from Nepali security guards employed under various security companies in Malaysia.

The complaints raise serious concerns regarding the following matters:

- Non-renewal of work permits
- Lack of rest days, with guards working continuously up to 12 hours daily and 30 days without rest
- Delay in salary payments and non-payment through proper banking channels
- Salaries not being paid in accordance with prevailing laws and regulations
- Poor and unsatisfactory hostel/accommodation conditions
- Failure to repatriate guards upon completion of their employment contracts
- Inability to provide employment to newly arrived guards for extended periods without payment of wages

In light of the above, the Embassy intends to carry out random site visits and conduct direct interviews with Nepali security guards to assess their working and living conditions. Based on the findings, the Embassy will communicate with relevant Malaysian authorities for appropriate action.

In this regard, the Embassy kindly requests PIKM to disseminate this information to all member security companies and to issue a formal notice urging them to strictly comply with applicable laws and regulations. The Embassy also requests PIKM to advise all security companies to ensure a safe and conducive working environment for all employees, in line with established legal and industry standards.

The Embassy of Nepal looks forward to the cooperation and support of PIKM in addressing these matters effectively.

Yours sincerely,
Ms. Kalpana Khanal Regmi
Labour Attaché



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
MOHAMMAD UBaidILLAH BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN TUDM (B)

Naib Presiden
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN SHAH JAHANKHIR BIN HAMEED

Setiausaha Kehormat
HABIBULLAH BIN DATO' HJ AHMAD

Bendahari Kehormat
DATIN MAHFUZA ZAKKIAH BINTI HJ ABDAIN

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Ahli-ahli Jawatankuasa
HAJI KHAIDZER BIN HAJI KEDAH
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR
MEJAR JEN. DATO' PAHLAWAN HJ. ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)
DATO' ROSMARAYU BINTI MOKHTAR
DATO' MOHID BIN MOHAMED
AISHAH BINTI MAT DESA
DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER
ADILA BIN DATO' ABDULLAH

Juruaudit Dalam
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DATO' DR. S. PRABAKARAN

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR B. HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ B. HJ. ISHAK

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATO' SRI GAN PENG LAM

Pengerusi Negeri Sembilan
DATO' MOHAMED ASLAM BIN SERAJA DIN

Pengerusi Negeri Sabah
MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

Pengerusi Negeri Sarawak
ABDUL HASSAN BIN BAKONG

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2024(13)

8 APRIL 2024

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-13/2024: ARAHAN AKUAN / IKRAR SYARIKAT DENGAN MEMERANGI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Berpandukan surat arahan daripada Setiausaha Bahagian, Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri (KDN) rujukan KDN.K.S 700-3/1/7 JLD.2() bertarikh 5 April 2024 seperti di lampiran, semua syarikat keselamatan diwajibkan untuk mendatangi surat akuan / ikrar memerangi jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa.

3. YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diwajibkan menandatangani akuan / ikrar seperti di Lampiran A. Dokumen akuan / ikrar yang telah lengkap ditandatangani beserta cop syarikat oleh pengarah syarikat keselamatan hendaklah dipulangkan ke Kaunter Bahagian Keselamatan Dan Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri (KDN) Di Aras 10, Blok Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa, Putrajaya selewat-lewatnya pada 30 April 2024 (Selasa). Bagi Syarikat yang berada di Sabah dan Sarawak, dokumen akuan / ikrar yang telah lengkap ditandatangani beserta cop syarikat oleh pengarah syarikat boleh dihantar melalui khidmat kurier ke alamat yang dinyatakan.

4. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak syarikat boleh berhubung dengan Unit Agensi Persendirian, Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam (KDN) di talian 03-88868034 /831/8321. Segala kerjasama dan perhatian syarikat berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


MOHAMMAD UBaidILLAH BIN ENAM @ IMAN
PRÉSIDENT



Rujukan : KDN.K.S 700-3/1/7 JLD. 2 ()

Tarikh : 5 April 2024

YBrs. Tuan Ubaidillah bin Iman

Presiden

Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)

No. 708, Blok A, Tingkat 7, Kelana Business Centre

Jalan SS 7/2, Kelana Jaya

47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Faks: 03-78038691

Tuan,

**ARAHAN MEWAJIBKAN SEMUA SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN
MENANDATANGANI SURAT AKUAN MEMERANGI JENYAH
PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, laporan Trafficking in Persons (TIP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) antara lain mendapati terdapat majikan di Malaysia yang masih mengamalkan amalan buruh paksa seperti sekatan pergerakan, pelanggaran kontrak pekerjaan, penipuan gaji, ancaman deportasi, penindasan hutang yang signifikan dan penahanan pasport. Selain itu, komitmen dan usaha Kerajaan dalam menangani isu pemerdagangan orang dari aspek pendakwaan, perlindungan dan pencegahan turut dinilai di dalam pelaporan tersebut. Sebagaimana pihak tuan sedia maklum, pada tahun 2023, Malaysia berada di Tahap Dua Pemerhatian (*Tier 2 Watchlist*).

3. Sebagai langkah proaktif Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku agensi peneraju dalam isu pemerdagangan orang, KDN akan melaksanakan inisiatif supaya semua syarikat yang dilesenkan oleh KDN termasuklah syarikat kawalan keselamatan menandatangani akuan/ ikrar menangani jenayah pemerdagangan orang. Inisiatif dokumen akuan/ ikrar ini adalah salah satu kaedah Kerajaan untuk mendapatkan komitmen syarikat daripada terlibat dalam apa-apa jenis aktiviti yang membawa kepada jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa.

4. Sehubungan itu, Kementerian memohon jasa baik dan kerjasama pihak PIKM untuk mengedar dan memanjangkan dokumen akuan/ ikrar seperti yang dilampirkan kepada setiap ahli PIKM. Dokumen akuan/ ikrar yang telah lengkap

ditandatangani oleh Pengarah syarikat hendaklah dipulangkan ke Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, KDN selewat-lewatnya pada 30 April 2024.

5. Bagi memastikan komitmen setiap syarikat dalam inisiatif ini, dokumen ini akan dijadikan sebagai syarat kepada permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh syarikat yang membabitkan Kementerian. Permohonan hanya akan diproses selepas akuan/ ikrar yang lengkap diisi dan ditandatangani dikembalikan semula kepada Kementerian.

6. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan boleh berhubung dengan Unit Agensi Persendirian, Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, KDN di talian 03-88868034/8311/8321. Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZULKIFLI BIN ABIDIN)

Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

s.k:

YBhg. Datuk KSU
YBhg. Dato' TKSU (Keselamatan)



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

AKUAN/ IKRAR SYARIKAT DALAM MEMERANGI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

Kerajaan Malaysia menyeru semua syarikat di Malaysia untuk menyertai inisiatif yang diterajui oleh Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) dalam membasmi jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa dengan menandatangani ikrar/akuan sukarela ini.

Kami dengan ini berikrar untuk menyokong pendekatan seluruh negara dalam mencegah, memerangi dan membasmi jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa dengan:

- Mendidik pekerja dan ahli organisasi kami mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi; dan
- Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Orang 2007 (Pindaan) 2022 (Akta 670) dan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 (Akta 265) serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang Benar,

Nama:

No. K/P:

Cap Syarikat: